

GARIS PANDUAN PERMOHONAN BARU KERETA SEWA DAN PANDU

1. Pemohon mesti mempunyai lesen perniagaan pelancongan dalam negeri yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Pelancongan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.
2. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang 2 (Subperaturan 3(1))**.
3. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti yang dinyatakan dalam Borang 2 (Subperaturan 3(1)). Borang tersebut mestilah ditandatangani oleh Pengarah dan dilengkapi dengan cop syarikat.
4. Borang yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pelesenan melalui Pejabat Pelesenan Wilayah yang berkenaan.
5. Menyertakan fi pemerosesan sebanyak RM 50.00 bagi setiap permohonan dalam bentuk Bank Draf / Kiriman Wang / Wang Pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan.
6. Sebarang kompaun mestilah dijelaskan sebelum permohonan dapat diproses (Jika ada).
7. Sekiranya permohonan yang diterima tidak lengkap, Kementerian akan menghantar notis 14 hari kepada syarikat bagi mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan.
8. Sekiranya diluluskan, Kementerian akan mengeluarkan **Surat Kelulusan Bersyarat** bagi tujuan melesenkan kenderaan.
9. Piagam Pelanggan: **35 hari** dengan syarat maklumat lengkap.

Dokumen sokongan

- a. Salinan penyata kewangan terkini yang diaudit (Jika berkenaan).
- b. Salinan penyata bank bagi 3 bulan terakhir / kemudahan kewangan.
- c. Salinan kontrak / perjanjian surat tawaran terbaru yang diterima bagi penyewaan kereta sewa dan pandu syarikat.
- d. Statistik penyewaan kereta sewa dan pandu syarikat oleh mana-mana pihak bagi tempoh 3 bulan terkini.
- e. Senarai pemilikan lesen kereta sewa dan pandu yang telah dimiliki.